

Headline	<b>Seminar banteras Aids lahirkan wanita berpengetahuan</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>12 Jul 2009</b>	Page No	<b>2</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian (Pahang)</b>	Article Size	<b>157 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>NEWS</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	PRValue	<b>1,884</b>
Frequency	<b>Daily</b>		
ADValue	<b>628</b>		



## Seminar banteras Aids lahirkan wanita berpengetahuan

KUANTAN – Wanita kini perlu sedar bahawa mereka juga akan menjadi antara mangsa Aids jika tidak mengambil serius masalah ini.

Pengerusi Seminar Membanteras Gejala Aids Wanita Sri Perdana 2009, Mohd Feizul Abllah berkata, walaupun Aids kini tidak menjadi isu penting namun golongan wanita perlu sedar bahawa aktiviti tidak sihat tetap boleh membawa penyakit berkenaan kepada mereka.

Menurutnya, tujuan utama seminar berkenaan bertujuan melahirkan lebih ramai wanita berpengetahuan luas untuk bersama menangani Aids.

“Seminar ini adalah kesinambungan daripada seminar membanteras gejala sosial remaja Sri Perdana 2008 tetapi mendapat sokongan daripada Jabatan Pembangunan Wanita kerana modul yang dipilih boleh

membentuk peserta ke arah mencapai matlamatnya.

“Ia juga dapat membantu menghindari golongan itu daripada menceburi aktiviti tidak berfaedah yang boleh membawa kepada masalah sosial yang menjadi punca kepada Aids,” katanya.

Seminar ini juga antara ‘cebisan’ yang diharap mampu membentuk sahsiah diri yang kental melalui pendekatan positif dalam membangunkan modal insan dalam kalangan wanita demi keluarga mereka.

Katanya, program seumpama ini turut menjadi penyumbang untuk membantu kerajaan membanteras Aids selain memupuk semangat kerjasama di antara ahli kelab.

Hadir sama, Timbalan Pengarah AADK negeri, Ab Halim Yaakob.

Feizul berkata, seminat kali ini memasukkan modul mengenai implikasi serta

pendekatan yang boleh diambil dalam membantu gejala Aids selain memberi kefahaman untuk dipraktikkan kepada masyarakat.

Katanya, kelab berkenaan juga turut merancang mengadakan kesinambungan seminar itu Disember depan bagi memberi lebih input berguna kepada wanita di negeri ini mengenai kesedaran Penyakit berkenaan.

“Kita mendapat kerjasama daripada kakitangan AADK yang turut berkongsi pengalaman bersama mengenai penagih dan mereka yang menghadapi penyakit ini,” katanya.

Seminar sehari itu disertai 45 peserta, dua urusetia dan tiga pemudah cara. Kumpulan sasaran ialah ahli kelab berkenaan dan belia di sekitar daerah Kuantan.